

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

GUAMAN NO. 23NCVC-12-03/2015

ANTARA

1. CHAN FEI YU
(NO. PASPOT E2263707H)
 2. LOW CHUAN PING
(NO. PASPOT E21989910)
 3. LIM SH WEN
(NO. K/P 781204-14-6074)
 4. YAP YEN HON
(NO. K/P 860318-14-5075)
[Keempat-empat Plaintiff berniaga
di atas nama dan gaya Pawsitive PLT
(No. Syarikat: LLP0003316-LGN)]
- ... PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

1. SIOW RONG JEING
 2. NILUFAR PET & AQUATIC SDN. BHD.
(NO. SYARIKAT: 933770-M)
 3. TEO KHAY HENG
- ... DEFENDAN-DEFENDAN

(MENGIKUT TINDAKAN ASAL)

DAN ANTARA

NILUFAR PET & AQUATIC SDN. BHD.
(NO. SYARIKAT T:933770-M) ... PLAINTIF

DAN

1. CHAN FEI YU
(NO. PASPOT E2263707H)
 2. LOW CHUAN PING
(NO. PASPOT E21989910)
 3. LIM SH WEN
(NO. K/P 781204-14-6074)
 4. YAP YEN HON
(NO. K/P 860318-14-5075)
[Keempat-empat Plaintiff berniaga
di atas nama dan gaya Pawsitive Plt
(No. Syarikat: LLP0003316-LGN)]
 5. LEOW KAR SENG
(NO. K/P 670928-08-5797)
- ... DEFENDAN-DEFENDAN

(MENGIKUT TUNTUTAN BALAS)

PENGHAKIMAN

Pengenalan

[1] Ini adalah satu permohonan perintah pengkomitan Defendan Ketiga di bawah Aturan 52 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 oleh Pemohon/Plaintif (Lampiran 108).

[2] Dalam tuntutan utama, Plaintif Pertama, Kedua (kedua-dua adalah warga negara Singapura), Ketiga dan Keempat adalah rakan kongsi Syarikat Pawsitive PLT yang menjalankan perniagaan mengimpor dan membekalkan haiwan peliharaan (*pet*). Syarikat ini beroperasi di premis beralamat No. 21, Jalan 1/109F, Plaza Danau 2, Taman Danau Desa, Kuala Lumpur.

[3] Defendan Pertama adalah pekerja kepada Defendan Kedua yang merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual dan mengedar haiwan peliharaan, ikan, asesoris dan sistem penapisan di premis beralamat Unit 2-01-02, No. 289, Tingkat 2, The Scott Garden, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.

[4] Defendan Ketiga pula adalah tuan punya seekor anjing baka *Schnauzer* yang telah menghantar anjing tersebut kepada Plaintif-Plaintif untuk di dandan. Beliau mendakwa Plaintif-Plaintif telah cuai dalam mendandan sehingga terdapat luka di bahagian cuping telinga kiri anjing berkenaan.

[5] Seterusnya Defendan Pertama dan Ketiga telah memuat naik dan menerbitkan perkara tersebut dalam beberapa halaman *Facebook*.

Plaintif-Plaintif mendakwa ini adalah fitnah dan inilah yang menjadi isu pertikaian dalam tuntutan Plaintiff terhadap Defendan (kes kini di peringkat separuh bicara).

Fakta kes

[6] Sebelum pliding ditutup untuk kes tuntutan Plaintiff terhadap Defendan, Plaintiff-Plaintif telah memfailkan satu permohonan interlokutari untuk perintah pengkomitan terhadap Defendan Ketiga pada 25.8.2015 (kebenaran untuk memfailkan permohonan tersebut telah diperolehi dari mahkamah ini pada 19.8.2015).

[7] Alasan Plaintiff-Plaintif untuk permohonan ini adalah bahawa Defendan Ketiga telah memberikan alamat kediaman palsu dalam affidavit/afidavit balasan beliau bagi mengelakan penyerahan writ dan lain-lain serahan dalam tiga permohonan intelokutari sebelum ini dan sengaja menghalang serta mengganggu pentadbiran keadilan.

[8] Ketiga-tiga permohonan interlokutari berkenaan adalah:-

- (i) permohonan *ex parte* Plaintiff yang memberikan akujanji membayar gantirugi yang bakal dialami Defendan sekiranya ada perintah mahkamah yang memerintahkan Defendan memadam kenyataan-kenyataan berunsur fitnah dalam halaman *Facebook* dan pengeluaran injunksi menghalang Defendan-defendan dari terus menerbitkan kenyataan-kenyataan fitnah terhadap Plaintiff-plaintif di dalam *Facebook* (Lampiran 19),

- (ii) permohonan Defendan-Defendan di bawah Aturan 23, Kaedah 1, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 supaya Plaintiff Pertama dan Kedua diperintahkan untuk mendepositkan kepada peguamcara mereka (sebagai pemegang amanah) sejumlah RM10,000 setiap seorang sebagai *security for costs* memandangkan Plaintiff Pertama dan Kedua adalah warganegara Singapura (Lampiran 46),
- (iii) permohonan Defendan-Defendan di bawah Aturan 18, Kaedah 19 (a)/(b)/(d), Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan Writ Saman/Pernyataan Tuntutan Plaintiff bertarikh 5.3.2015 dan Writ Saman Terpinda/Pernyataan Tuntutan Terpinda bertarikh 17.4.2015 (Lampiran 55).

[9] Terdapat sebanyak tujuh affidavit/afidavit balasan yang telah diikrar dan difailkan oleh Defendan Ketiga yang dikatakan oleh Plaintiff-Plaintif bahawa Defendan Ketiga memberikan alamat kediaman palsu.

[10] Affidavit/afidavit balasan tersebut ialah:-

- (i) diikrarkan pada 23.4.2015 dalam prosiding permohonan di Lampiran 19,
- (ii) diikrarkan pada 14.5.2015 dalam prosiding permohonan di Lampiran 46,
- (iii) diikrarkan pada 21.5.2015 dalam prosiding permohonan di Lampiran 19,
- (iv) diikrarkan pada 25.5.2015 dalam prosiding permohonan di Lampiran 55,

- (v) diikrarkan pada 8.6.2015 dalam prosiding permohonan di Lampiran 55,
- (vi) diikrarkan pada 8.6.2015 dalam prosiding permohonan di Lampiran 46,
- (vii) diikrarkan pada 23.6.2015 dalam prosiding permohonan di Lampiran 46.

[11] Selain dari itu Defendan Ketiga menegaskan isu alamat palsu ini telah pun di ambilkira oleh mahkamah dalam prosiding permohonan Defendan supaya Plaintiff Pertama dan Kedua diperintah mendepositkan *security for costs* (permohonan Lampiran 46). Oleh yang demikian Defendan Ketiga menegaskan Plaintiff-Plaintif tidak lagi boleh menimbulkan isu yang sama (*res judicata*) dalam permohonan perintah komital ini.

Isu

[12] Terdapat tiga isu yang perlu diputuskan mahkamah iaitu:-

- (i) sama ada Plaintiff-Plaintif di halang oleh doktrin *res judicata*;
- (ii) sama ada Defendan Ketiga memberikan alamat kediaman palsu dalam affidavit/afidavit balasannya bagi mengelakan penyerahan dokumen kes dalam ketiga-tiga prosiding permohonan tersebut (Lampiran 19, Lampiran 46 dan Lampiran 55); dan

- (iii) jika jawapan kepada isu kedua adalah afirmatif, adakah perbuatan Defendan Ketiga itu termasuk dalam kategori menghalang atau mengganggu pentadbiran keadilan.

Kes Pemohon/Plaintif

[13] Plaintiff-Plaintif telah menghantar notis tuntutan gantirugi bertarikh 1.12.2014 terhadap kenyataan fitnah kepada Defendan Pertama dan Ketiga. Defendan Pertama telah membalas surat tersebut pada 8.12.2014 dan menafikan dakwaan Plaintiff. Dalam surat Defendan Pertama itu juga dikepilkan sepucuk surat penafian oleh Defendan Ketiga. Dalam surat Defendan Ketiga ini tercatat alamat Defendan Ketiga sebagai A102, Jalan Tuanku Dua, Taman Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur.

[14] Berdasarkan kepada alamat tersebut penghantar notis dari pejabat peguamcara Plaintiff telah ke premis beralamat berkenaan bagi menyerahkan beberapa dokumen berkaitan dengan kes. Penghuni premis masa itu menafikan bahawa Defendan Ketiga adalah pemilik atau penghuni premis beralamat berkenaan. Pemilik premis berkenaan kemudiannya telah membuat satu laporan polis (Sri Petaling Report 004784/15) pada 20.5.2015 berhubung dengan insiden tersebut.

[15] Kemudian apabila Defendan Ketiga mengikrar dan memfailkan tujuh affidavit/afidavit balasan yang dinyatakan sebelum ini (sila rujuk di atas) dalam prosiding permohonan-pemohonan interlokutari di Lampiran 19, Lampiran 46 dan Lampiran 55 dengan menggunakan alamat A102, Jalan Tuanku Dua, Taman Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur, Plaintiff

mendakwa alamat kediaman tersebut adalah palsu. Plaintiff juga mendakwa ianya digunakan oleh Defendan Ketiga bagi mengelakan serahan dan juga berniat menghalang atau mengganggu pentadbiran keadilan.

[16] Plaintiff semasa prosiding permohonan di Lampiran 46 telah menimbulkan isu ini. Kemudian dalam prosiding-prosiding seterusnya bagi permohonan-permohonan seperti di Lampiran 55, Defendan Ketiga menggunakan alamat kediaman yang lain pula. Alamat yang digunakan ialah 3A-05-5, Kuchai Brem Park, Jalan Selesa 2, Taman Gembira, 58200 Kuala Lumpur.

[17] Apabila penghantar saman dari pejabat peguamcara Plaintiff pergi ke alamat tersebut, didapati penghuninya adalah ibu Defendan Ketiga yang memaklumkan Defendan Ketiga telah tidak lagi tinggal di alamat itu sejak 30 tahun lepas.

[18] Dalam penghujahan bagi permohonan perintah komital ini, Plaintiff menegaskan bahawa adalah amat jelas Defendan Ketiga memberikan alamat palsu bagi mengelak serahan dan menghalang/mengganggu proses pentadbiran keadilan. Sehubungan dengan itu Plaintiff memohon supaya perintah diberikan untuk mengkomitkan Defendan Ketiga.

Kes Defendan Ketiga

[19] Dalam afidavit balasan bagi membantah permohonan perintah komital terhadapnya, Defendan Ketiga menegaskan bahawa isu alamat palsu ini telah pun ditimbulkan oleh Plaintiff-Plaintiff semasa prosiding permohonan Defendan supaya Plaintiff Pertama dan Kedua

diperintahkan untuk menandatangani *security for costs* (Lampiran 46). Ini adalah kerana mereka adalah warganegara Singapura dan dibimbangkan mereka akan balik ke Singapura selepas kes utama selesai tanpa membayar kos kes (jika tuntutan Plaintiff ditolak mahkamah).

[20] Selanjutnya Defendan Ketiga dalam afidavit balasan dengan tegasnya menafikan kedua-dua alamat kediaman tersebut adalah palsu. Defendan Ketiga menyatakan premis beralamat A102, Jalan Tuanku Dua, Taman Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur adalah asalnya milik mendiang bapanya. Defendan Ketiga seterusnya menegaskan bahawa beliau telah tinggal di alamat tersebut bersama mendiang bapa, ibu dan adik beradiknya selama lebih kurang 40 tahun (sejak tahun 1974).

[21] Malah kad pengenalan Defendan Ketiga juga masih tercatat alamat tersebut. Beliau menjelaskan alamat tersebut dikekalkan dalam kad pengenalan adalah disebabkan oleh nilai sentimental.

[22] Defendan Ketiga telah mengemukakan bukti-bukti dokumentari berhubung dengan perkara ini dalam afidavit balasan yang diikrarkan pada 8.6.2015 dan dalam afidavit balasan tambahan yang diikrarkan pada 2.10.2015. Kesemua dokumen ini mempunyai alamat A102, Jalan Tuanku Dua, Taman Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur dan mempunyai sama ada nama mendiang bapanya atau nama Defendan Ketiga atau gambar Defendan Ketiga atau kesemuanya sekali. Dokumen-dokumen tersebut adalah:-

- (i) salinan kad pengenalan Defendan Ketiga no. 550423-10-5741 (dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit “T-1” dalam affidavit balasan bertarikh 8.6.2015),
- (ii) salinan lesen drebar dan lesen memandu Defendan Ketiga (dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit “T-2” dalam affidavit balasan tambahan bertarikh 2.10.2015),
- (iii) salinan surat beranak Defendan Ketiga (dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit “T-3” dalam affidavit balasan tambahan bertarikh 2.10.2015),
- (iv) salinan kad pengenalan lama Defendan Ketiga (dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit “T-3” dalam affidavit balasan tambahan bertarikh 2.10.2015),
- (v) salinan daftar perkahwinan Defendan Ketiga bertarikh 2.3.1979 (dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit “T-3” dalam affidavit balasan tambahan bertarikh 2.10.2015),
- (vi) salinan dua keping bil pembayaran dari Tetuan Samad & Yap bertarikh 4.11.1992 kepada mendiang bapa Defendan Ketiga (dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit “T-3” dalam affidavit balasan tambahan bertarikh 2.10.2015),
- (vii) salinan bil cukai tanah bertarikh 8.12.1995 dan kenyataan tuntutan cukai 1996 (dikemukakan dan ditanda sebagai eksibit “T-3” dalam affidavit balasan tambahan bertarikh 2.10.2015).

[23] Seterusnya Defendan Ketiga menegaskan beliau boleh mengambil apa-apa dokumen di alamat tersebut walau pun telah tidak lagi tinggal di situ. Beliau juga telah menemui pemilik terkini premis berkenaan dan menjelaskan tentang sejarah asal pemilik premis berkenaan.

[24] Disebabkan Plaintiff menimbulkan bantahan semasa prosiding permohonan Lampiran 46 berhubung dengan alamat tersebut, atas nasihat peguamcara, Defendan Ketiga telah menggunakan pula alamat rumah ibunya no. 3A-05-5, Kuchai Brem Park, Jalan Selesa 2, Taman Gembira, 58200 Kuala Lumpur dalam affidavit-afidavit selepas itu. Defendan Ketiga menjelaskan walau pun beliau tidak tinggal bersama ibunya, dia masih kerap melawat ibunya. Dan jika ada apa-apa surat atau dokumen, beliau boleh mengambilnya di situ.

[25] Selanjutnya Defendan Ketiga menjelaskan tiada sebab apa-apa serahan dari Plaintiff tidak boleh sampai kepadanya kerana Plaintiff tahu dan boleh menghubungi peguamcara Defendan Ketiga. Malah tegasnya Plaintiff juga mempunyai nombor telefon bimbit beliau. Oleh yang demikian tidak ujud seperti apa yang didakwa oleh Plaintiff bahawa Defendan Ketiga cuba mengelak serahan dari Plaintiff.

[26] Defendan Ketiga juga memohon maaf kepada mahkamah berhubung dengan perkara ini dan tidak berniat untuk menghalang atau mengganggu proses pentadbiran keadilan.

[27] Dalam penghujahan, Defendan Ketiga menegaskan bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan tuduhan terhadap beliau dan

permohonan Plaintiff ini adalah *frivolous, vexatious and scandalous* dan memohon permohonan ini ditolak dengan kos.

Analisis kes dan penemuan mahkamah

[28] (A) isu *res judicata*

Res judicata telah diberikan definisi oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn. Bhd.* [1995] 3 MLJ 197. Peh Swee Chin FCJ di muka surat 197 para H mengatakan:-

“What is res judicata? It simply means a matter adjudged, and its significance lies in its effect of creating an estoppel per rem judicatum. When a matter between two parties has been adjudicated by a court of competent jurisdiction, the parties and their privies are not permitted to litigate once more the res judicata, because the judgment becomes the truth between such parties, or in other words, the parties should accept it as the truth; res judicata pro veritate accipitur.”

[29] Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut telah merujuk kepada prinsip yang diutarakan oleh Wigram VC dalam kes *Henderson v Henderson* [1843] 3 Hare 100 di muka surat 115 :-

“The plea of res judicata applies, except in special cases, not only to points upon which the court was actually required by the parties to form an opinion and pronounce a judgment, but to every point which properly belonged to the subject of the litigant and which the parties, exercising reasonable diligence might have brought forward at the time.”

[30] Dalam kes *Kandiah Peter v Public Bank Bhd* [1994] 1 MLJ 119 di muka surat 123, mahkamah memutuskan:

“It is equally settled law that in order for the doctrine of res judicata, cause of action or issue estoppel to apply, the earlier proceedings must have resulted in a final judgment or decision.”

[31] Defendan Ketiga dalam affidavit sokongan dalam permohonannya terhadap Plaintiff Pertama dan Kedua di Lampiran 46 termasuk penghujahannya, menegaskan bahawa Plaintiff telah pun menimbulkan isu beliau menggunakan alamat kediaman palsu semasa prosiding Lampiran 46. Menurut Defendan Ketiga memandangkan isu tersebut telah pun dibawa ke perhatian mahkamah, maka Plaintiff adalah di halang dari menggunakan sekali lagi isu tersebut dalam permohonan perintah komital terhadap beliau dan doktrin *res judicata* terpakai.

[32] Dalam memutuskan isu ini selain daripada tiga otoriti yang dinyatakan di atas, mahkamah juga merujuk kepada panduan yang telah diberikan dalam buku *Spencer Bower, Turner and Handley, The Doctrine of Res Jucata (Butterworths, 3rd Ed., 1996)* di perenggan 19.

“A party setting up res judicata by way of estoppel as a bar to this opponent’s claim, or as a foundation of his own, must establish the constituent elements, namely:

- (a) the decision was judicial in the relevant sense;*
- (b) it was in fact pronounced;*
- (c) the tribunal had jurisdiction over the parties and the subject matter;*
- (d) the decision was:*
 - (i) final, and*
 - (ii) on the merits;*
- (e) it determined the same question as raised in the later litigation; and*

(f) *the parties to the later litigation were either parties to the earlier litigation or their privies, or the earlier decision was in rem.*”

[33] Panduan ini telah digunapakai dalam kes *Alliance Entertainment Singapore Pte Ltd v Sim Kay Teck & Anor.* [2006] SGHC 124 [2006] 3 SLR 712 dan digunakan dalam kes *Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang Darul Makmur* [2010] 8 MLJ 57.

[34] Panduan tersebut telah juga digunapakai dan disahkan dalam kes *Midlands Bank Trusts Co. Ltd v Green* [1980] Ch 590 dan di muka surat 607.

[35] Mahkamah dalam kes *Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd* (supra) telah menambah satu lagi panduan:

“The final requirement is that there must be an identity of subject matter in the two proceedings. The correct approach to identify the issue is to ask what had been litigate and, secondly, what had been decided. In the case of issue estoppel, the decision on the issue must have been ‘necessary step’ to the decision or a ‘matter which it was necessary to decide, and which was actually decided, as the groundwork of the decision.”

[36] Dalam menggunakan otoriti kes dan panduan yang tersebut di atas, mahkamah telah menyemak rekod prosiding permohonan Lampiran 46 dan mendapati:-

- (i) permohonan Lampiran 46 dibuat oleh Defendan Pertama dan Ketiga,
- (ii) Defendan dalam permohonan tersebut memohon Plaintiff Pertama dan Kedua diperintahkan mendepositkan *security for costs* kepada peguamcara mereka kerana mereka adalah

warganegara Singapura dan dibimbangkan pulang ke sana selepas kes selesai dengan tidak membayar kos kepada Defendan (jika diputuskan tuntutan Plaintiff di tolak),

- (iii) isu yang timbul dalam permohonan Defendan di Lampiran 46 dan memerlukan keputusan mahkamah adalah sama ada Plaintiff berkemungkinan tidak membayar kos kes (sekiranya tuntutan mereka di tolak) dan pulang ke Singapura,
- (iv) Plaintiff menimbulkan perkara berhubung dengan Defendan Ketiga menggunakan alamat kediaman palsu dalam affidavit balasan dalam permohonan Defendan tersebut,
- (v) Defendan Ketiga telah memberikan penjelasan kepada mahkamah berhubung dengan perkara tersebut,
- (vi) mahkamah hanya membuat keputusan kepada isu dalam permohonan Defendan di Lampiran 46.

[37] Menggunapakai otoriti dan panduan yang ada, mahkamah memutuskan memandangkan tiada keputusan dibuat oleh mahkamah dalam prosiding permohonan Lampiran 46 berhubung dengan perkara yang ditimbulkan Plaintiff dalam affidavit balasannya maka tidak ada satu keputusan *finality* yang dibuat. Jadi doktrin *res judicata* tidak terpakai di sini.

[38] Ini selaras dengan prinsip kes *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Kawal Teliti Sdn. Bhd.* (supra) yang menyatakan: “...It simply means a ***matter adjudged...***”

[39] Juga dalam kes *Kandiah Peter v Public Bank Bhd* (supra) di mana mahkamah memutuskan:

*“It is equally settled law that in order for the doctrine of res judicata, cause of action or issue estoppel to apply, the earlier proceedings must have **resulted in a final judgment or decision.**”*

[40] Juga terpakai panduan yang telah diberikan dalam buku *Spencer Bower, Turner and Handley, The Doctrine of Res Jucata* : “... must establish the constituent elements, namely: (b)**it was in fact pronounced**”

[41] Mahkamah juga membezakan prinsip kes kes *Henderson v Henderson* (supra):-

“The plea of res judicata applies, except in special cases, not only to points upon which the court was actually required by the parties to form an opinion and pronounce a judgment, but to every point which properly belonged to the subject of the litigant and which the parties, exercising reasonable diligence might have brought forward at the time.”

[42] Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah berdasarkan kepada kausa tindakan fitnah yang dikatakan timbul akibat luka yang dialami oleh seekor anjing Defendan Ketiga setelah dihantar untuk di dandan kepada Plaintiff. Ianya tidak ada kena mengena langsung dengan dakwaan bahawa Defendan Ketiga menggunakan alamat kediaman palsu dalam affidavit permohonan interlokutari. Mahkamah berpendapat ianya bukanlah satu isu yang perlu diputuskan dan tidak menjadi sebahagian daripada *subject matter* tuntutan Plaintiff terhadap Defendan. Oleh yang demikian mahkamah memutuskan ianya tidak relevan dan tidak menjejaskan langsung tuntutan Plaintiff.

[43] Afidavit balasan Plaintiff dalam permohonan Lampiran 46 Defendan sepatutnya adalah untuk menjawab dakwaan dalam afidavit sokongan Defendan terhadap mereka dan bukannya menimbulkan perkara yang tiada kaitan dan tidak relevan dengan permohonan tersebut.

[44] Ini amat jelas dinyatakan dalam otoriti-otoriti berikut.

Dalam *Malaysian Civil Procedure 2015 (Vol. 1)*, *Sweet and Maxwell* di muka surat 545 telah menggunakan definisi *relevant* yang terdapat dalam *Black's Law Dictionary (8 Edition)* iaitu:

“logically connected and tending to prove or disprove a matter in issue, having appreciative probative value – that is, rationally tending to persuade people of the probability or possibility of same alleged facts.”

Dalam kes *Wee Building Materials Sdn Bhd v Muhamed bin Maidin*

[1997] 3 AMR 2634 diputuskan bahawa:

“Irrelevance is to be determined by reference to the issues or matters for determination by the court.”

[45] Kes-kes lain ini menyokong kepada prinsip mestilah melibatkan *subject matter* kepada tuntutan. *Yat Tung Investment Co v Dae Heng Bank & Anor* [1975] AC 581; *SFC Finance Co Ltd v Masri & Anor (No. 3)* [1987] QB 1028; *Bell v Holmes* [1956] 3 All ER 449.

[46] **(B) isu memberikan alamat palsu dan mengganggu atau menghalang pentadbiran keadilan**

Adalah suatu prinsip undang-undang yang tersohor bahawa beban bukti pihak yang mendakwa dalam kes perbuatan penghinaan (*act of contempt*) adalah melepasi tahap keraguan menasabah (*beyond reasonable doubt*). Ini adalah kerana ianya melibatkan kebebasan seseorang manusia dan memerlukan pematuhan prosedur yang

ketat. Ini jelas dinyatakan oleh Arifin Zakaria CJ dalam kes Mahkamah Persekutuan *Tan Sri Dato' (Dr) Rozali Ismail & Ors v Lim Pang Cheong & Ors* [2012] 2 CLJ 849 di muka surat 860 dan 861.

[47] Perkara yang sama telah ditegaskan oleh Cross J dalam kes *Re B (JA) (An Infant)* [1965] dan Lord Denning MR dalam *McIlraith v Grady* [1968] 1 QB 468. Lain-lain kes ialah *Plastech Industries System Sdn. Bhd. v N & C Resources Sdn. Bhd. & Ors* [2015] 7 CLJ 252 dan *Tan Boon Lee v Tan Boon Huat & Ors.* [2014] 10 CLJ 783.

[48] Plaintiff mendakwa terdapat tujuh affidavit/afidavit balasan Defendan Ketiga yang di ikrarkan dan difailkan bagi tiga permohonan interlocutori (Lampiran 19, Lampiran 46 dan Lampiran 55) telah menggunakan alamat kediaman palsu. Alamat palsu yang di dakwa oleh Plaintiff-Plaintif yang digunakan oleh Defendan Ketiga ialah A102, Jalan Tuanku Dua, Taman Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur. Affidavit/afidavit balasan tersebut telah dinyatakan dalam bahagian fakta di atas (sila rujuk).

[49] Hanya satu sahaja alasan yang dinyatakan oleh Plaintiff dalam permohonan perintah pengkomitan dan affidavit sokongannya berhubung dengan isu ini. Alasannya adalah bahawa penghantar saman pejabat peguamcara Plaintiff telah ke alamat tersebut bagi menyerahkan kertas kausa tetapi diberitahu oleh penghuninya bahawa Defendan Ketiga tidak tinggal di situ. Oleh yang demikian Plaintiff menghujahkan Defendan Ketiga cuba mengelak diri daripada diserahkan kertas kausa dan dokumen-dokumen kes. Dan seterusnya menghalang atau mengganggu pentadbiran keadilan.

[50] Mahkamah mendapati writ dan pernyataan tuntutan, writ terpinda dan pernyataan tuntutan terpinda dan ketiga-tiga permohonan interlocutori tersebut (Lampiran 19,46 dan 55) telah dapat diserahkan kepada Defendan Ketiga. Dan Defendan Ketiga telah mengambil tindakan susulan seperti memasukan notis kehadiran, memfailkan pernyataan pembelaan dan juga menyediakan affidavit/afidavit balasan. Yang paling utama ialah Defendan Ketiga hadir ke mahkamah dengan peguamcaranya. Mahkamah berpuas hati tiada apa-apa cubaan oleh Defendan Ketiga untuk mengelakan diri dari diserahkan kertas kausa atau apa-apa dokumen kes.

[51] Juga dakwaan Plaintiff bahawa Defendan Ketiga akan mengelakan diri daripada pelaksanaan keputusan kes (jika Plaintiff berjaya dalam tuntutan mereka). Jelas dari affidavit balasan Defendan Ketiga bahawa beliau mempunyai peguamcara dan peguamcara Plaintiff pernah menghubungi peguamcaranya berkaitan dengan kes ini. Defendan Ketiga juga menyatakan seorang dari syarikat Plaintiff bernama "Chan" pernah menghubungi telefon bimbitnya. Perkara-perkara seperti di atas ini tidak dipertikaikan atau dijawab balas oleh Plaintiff dalam affidavit mereka. Mahkamah berpendapat Plaintiff bersetuju dengannya dan dakwaan Plaintiff ini hanya merupakan suatu spekulasi sahaja. Rujuk kes *Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang Darul Makmur* (supra).

[52] Mengenai penggunaan alamat A102, Jalan Tuanku Dua, Taman Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur dan alamat 3A-05-5, Kuchai Brem Park, Jalan Selesa 2, Taman Gembira, 58200 Kuala Lumpur, Defendan

Ketiga telah memberikan penjelasan yang terperinci dan mengemukakan eksibit-eksibit sokongan dalam presentasi kesnya (rujuk kes Defendan Ketiga di atas).

[53] Setelah mahkamah meneliti kepada penjelasan ini dan merujuk kepada keseluruhan kes ini, mahkamah berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Defendan Ketiga berhubung dengan dakwaan penggunaan alamat kediaman palsu oleh Plaintiff terhadap Defendan Ketiga.

[54] Dalam afidavit balasan, afidavit balasan tambahan dan penghujahannya, Defendan Ketiga telah memohon maaf kepada mahkamah dan menjelaskan beliau tiada niat untuk mengelakkan diri dari serahan kes ini atau menggunakan alamat kediaman palsu. Mahkamah mendapati permohonan maaf ini dibuat dengan niat baik dan ikhlas.

[55] Oleh yang demikian mahkamah mendapati Defendan Ketiga tidak menggunakan alamat kediaman palsu bagi mengelakkan penyerahan kertas kausa. Selanjutnya beliau juga tidak mengganggu atau menghalang pentadbiran keadilan. Mahkamah juga mendapati tiada apa-apa kesusahan atau kesulitan yang ditimbulkan terhadap Plaintiff-Plaintif.

Kesimpulan dan keputusan

[56] Setelah meneliti kepada keseluruhan permohonan perintah komital ini, mahkamah mendapati Plaintiff telah gagal untuk membuktikan kes mereka terhadap Defendan Ketiga melangkaui tahap keraguan yang menasabah.

[57] Sehubungan dengan itu mahkamah menolak permohonan perintah komital terhadap Defendan Ketiga (Lampiran 108).

[58] Kos adalah dalam kausa.

Bertarikh: 24 Mac 2016

Sgd.
(**ROSLAN BIN A. BAKAR**)
Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

Peguamcara bagi pihak Plaintiff/Pemohon:

Tetuan M. Raman & Associates
No. 17-3, Jalan SP 2/2
Taman Serdang Perdana
Seksyen 2,
43300 Seri Kembangan

Peguamcara bagi pihak Defendan:

Tetuan Jublin Tan & Tay
No. 18-1, 1st Floor
Jalan Kampong Attap
50460 Kuala Lumpur